

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : SINAR HARIAN (Nasional)

TARIKH: 28 DISEMBER 2017

M/S : 7

Kes demam denggi meningkat

KUALALUMPUR - Kes demam denggi bagi tempoh 10 hingga 16 Disember menunjukkan peningkatan 35 kes berbanding minggu sebelumnya, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, sebanyak 985 kes demam denggi direkodkan bagi tempoh tersebut.

Katanya, terdapat sembilan negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Pulau Pinang, Johor, Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan, Pahang, Sarawak, Melaka dan Perlis.

Bagaimanapun katanya, jumlah kumulatif kes yang direkod dari Januari hingga 16 Disember tahun ini berkurangan 16,648 kes kepada 81,790 berbanding 98,438 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

"Terdapat satu kematian yang dilaporkan bagi tempoh 10 hingga 16 Dis dan ini menjadikan jumlah kumulatif kematian denggi di Malaysia dari Januari hingga 16 Disember adalah sebanyak 170 berbanding 230 pada 2016 iaitu pengurangan sebanyak 60 kematian," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, tiada kes chikungunya direkodkan pada minggu tersebut menjadikan jumlah kumulatif kes dari 1 Jan sehingga 16 Disember kekal sebanyak 269 kes.

Beliau berkata, setakat 16 Disember tahun ini, pemantauan sistem surveilan virus Zika mendapati keputusan ujian bagi 2,199 sampel darah dan 33 sampel air kencing pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus berkenaan adalah negatif.